

Melayu yang selaras dengan keperluan-keperluan dan kepentingan-kepentingan masyarakat.

Keempat-turut berusaha kearah perkembangan-perkembangan dan kesempurnaan persuratkhabaran Melayu di Malaya khasnya dan persuratkhabaran Malaya umumnya selagi tidak bertentangan asas-asas dan tujuan persatuan ini.

Kelima-turut berusaha dalam segala lapangan kebanggaan yang ada hubungan dalam lapangan kewartawan Melayu selagi

usaha tersebut tidak bertentangan asas dan tujuan-tujuan serta kepentingan-kepentingan persatuan.

### Anggota-anggota

Persatuan tersebut terbuka kepada wartawan-wartawan Melayu yang lahir atau bermastautin dan mempunyai taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Malaya (Singapura dan *Federation*) dan menganggap negeri ini sebagai tanah airnya.

## -----KETAWA DENGAN WARTAWAN-----

### Kumpulan Dermawan

“Kita telah mendengar kata-kata seperti belanjawan, setiawan, biduan, dan sasterawan; maka sekarang tibalah pula masanya kaum “dermawan” menubuhkan persatuannya”. Kata Cikgu Buyung Bin ‘Adil, Sebaik-baik sahaja beliau menjalankan tugas menjadi pengerusi mesyuarat pada hari penubuhan “Persatuan Wartawan Melayu”.

Di dalam gelak ketawa orang ramai, tuan pengerusi telah berpatah balik lalu menerangkan bahawa maksudnya yang sebenar tadi ialah kaum “wartawan” bukan kaum “dermawan”!

### Sayyid Maḥfūz

Sekali lagi majlis riuh dengan ketawa kerana Saudara Maḥfūz Ḥamīd telah disebut oleh tuan pengerusi dengan panggilan; “Tuan Sayyid Maḥfūz”!

“Aduh!” kata Pak Mat ( Muḥammad Isma‘īl ‘Abdul Qādir) yang kebetulan duduk di sebelah ana.

Ketika itu kelihatan “Hantu Wak Ketusuk” menepuk-nepuk bahu Maḥfūz sambil ketawa berdekah-dekah

sehingga nampak dari jauh gigi rongaknya.

### Bakhtiār Punya Pasal

Agaknya kerana saudara Bakhtiār Jamīlī banyak sekali bercakap, berdebat dan berceramah, mujurnya tidak bercerakah; menjadikan tuan pengerusi kecoh dan terlajak menyeru hadir dengan berkata: “Tuan Pengerusi!”

### Tamatlah Siaran Kita

Tetapi “banyak” yang paling seronok ialah ialah ketika tuan pengerusi menyerahkan majlis lalu berkata sebagai penutup: “Tuan-tuan! Dengan ini tamatlah siaran kita!”

Cikgu Buyung terus ketawa bersama-sama dengan majlis yang sedang riuh dengan gelak ketawa sedang hati kecilnya agaknya tidak lupa mendayu-dayu dengan berkata:

“Tempat jauh lagi dikenang  
Inikan pulak tempat bermain!”